

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## MUHAMMAD UTHMAN EL – MUHAMMADY: IDEA DAN SUMBANGAN DALAM PEMIKIRAN ISLAM KONTEMPORARI

### *MUHAMMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY: IDEAS AND CONTRIBUTIONS IN CONTEMPORARY ISLAMIC THOUGHT*

Solihah Haji Yahya Zikri<sup>1\*</sup>, Khalid Ismail<sup>2</sup>, Nadiyah Hashim<sup>3</sup>, Syaimak Ismail @ Mat Yusoff<sup>4</sup>,  
Nurliyana Mohd Talib<sup>5</sup>, Nur Fatin Nabilah Shahrom<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

Email: solihah86@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia.

Email: khalisma799@gmail.com

<sup>3</sup> Faculty of Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

Email: nadiyah@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Faculty of Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

Email: syaimak@uitm.edu.my

<sup>5</sup> Faculty of Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

Email: liyanatalib@uitm.edu.my

<sup>6</sup> Faculty of Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

Email: fatinnabilahshahrom@uitm.edu.my

\* Corresponding author

#### Article history:

##### Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

##### To cite this document:

Zikir, S. H. Y., Ismail, K., Hashim, N.,  
Mat Yusoff, S. I., Mohd Talib, N., &

#### Abstrak:

Artikel ini mengkaji sumbangan dan idea seorang tokoh karismatik sastera dan falsafah Islam serta pendakwah terkemuka, Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady, yang telah memberi impak besar terhadap pemahaman Islam dalam masyarakat moden. Selain merupakan seorang Polymath dalam pelbagai bidang pemikiran Islam termasuk ilmu logik kalam tasawuf, beliau turut dikenali dengan pemikiran falsafah barat yang merentasi zaman khususnya falsafah barat moden. Pendekatan kualitatif digunakan dalam menganalisis secara deskriptif karya Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady selain artikel dan jurnal yang memberi tumpuan kepada jejak intelektual serta pandangan beliau yang berlandaskan

Shahrom, N. F. N. (2025). Muhammad Uthman El – Muhammady: Idea Dan Sumbangan Dalam Pemikiran Islam Kontemporari. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 143-160.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040011

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



pegangan Sunnah wal Jamaah dalam pelbagai bidang. Objektif penulisan ini adalah bagi mengulas tentang ketokohan beliau dalam bidang pemikiran seperti akidah, dakwah, sosial, politik dan kesusasteraan Islam selain meneliti sumbangannya dalam membentuk pemikiran Islam yang relevan dengan cabaran semasa. Hasil dapatan menunjukkan beliau dianggap sebagai inteligenesia Muslim kontemporari berikutan karya-karya beliau yang mencakupi aspek kehidupan seharian sering dijadikan rujukan oleh pihak akademik, badan-badan agama Islam serta institusi pengajian tinggi sehingga kini meskipun setelah pemergiannya lebih sedekad. Ketelitian, kefasihan serta kelantangan beliau dalam mengupas sesuatu isu dalam skop yang menyeluruh dalam wacana mahupun dakwahnya melalui platform yang berbeza secara tidak langsung menjadi garis panduan kepada masyarakat Islam di Malaysia dalam mendepani permasalahan yang timbul sepanjang meniti arus kemodenan.

#### Kata Kunci:

Islam, Pemikiran Islam Kontemporari, Tokoh, Uthman El-Muhammady

#### Abstract:

This article examines the contributions and ideas of a charismatic figure in Islamic literature and philosophy, as well as a prominent preacher, Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady, who has had a significant impact on the understanding of Islam in modern society. In addition to being a polymath in various fields of Islamic thought, including logic, theology, and mysticism, he is also known for his ideas on Western philosophy, particularly modern Western philosophy, that transcend time. A qualitative approach is used to descriptively analyze the works of Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady, along with articles and journals that focus on his intellectual footprint and viewpoints grounded in the Sunnah wal Jamaah tradition across various fields. The objective of this writing is to discuss his leadership in areas such as creed (akidah), da'wah, social issues, politics, and Islamic literature, as well as to examine his contributions in shaping Islamic thought that remains relevant to contemporary challenges. The findings show that Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady is regarded as a contemporary Muslim intellectual, as his works, which encompass various aspects of daily life, continue to be referenced by academia, Islamic religious bodies, and higher educational institutions, even more than a decade after his passing. His meticulousness, eloquence, and assertiveness in addressing issues within a comprehensive scope, whether in discourses or da'wah through various platforms, have indirectly provided a guiding framework for the Muslim community in Malaysia to confront the challenges arising during the course of modernization.

#### Keywords:

Islam, Contemporary Islamic Thought, Intellectuals, Uthman El-Muhammady.

### Pengenalan

Islam merupakan sebuah agama yang bersifat komprehensif (syumul), merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia— akidah, ibadah, muamalat, akhlak sehinggalah kepada urusan kenegaraan dan kemasyarakatan. Syumuliyah Islam ini menjadikan ajarannya relevan sepanjang zaman, merentasi sempadan geografi, bangsa, dan budaya. Agama ini bukan sahaja bersifat ritualistik, tetapi juga membentuk satu kerangka hidup yang holistik berlandaskan Al-Quran dan Al-sunnah sebagai panduan yang membawa kesejahteraan rohani dan jasmani kepada umat manusia.

Bagaimanapun, telah berlaku beberapa perubahan dalam fahaman dan amalan Islam di kalangan masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk politik, sosial dan ekonomi seiring dengan peredaran zaman. Terdapat beberapa fasa perubahan dalam penerapan ajaran Islam di kalangan masyarakat bermula dengan era yang dikenali sebagai Islam tradisional di mana pemahaman dan ajaran Islam diterapkan dalam kehidupan seharian melalui cara tradisional diikuti dengan era millennialism, modenisasi, fundamentalisme sehinggalah masa kini atau dikenali sebagai kontemporari.

Menurut Aiman Mahmad Nor, Mohammad Syahmi Fakharazi dan Kamarul Azmi Jasmi (2012) perubahan yang berlaku bagi setiap era tersebut dipengaruhi oleh pelbagai isu antaranya penyelewengan fahaman di kalangan umat Islam, usaha memodenisasikan Islam yang sering dikaitkan dengan keganasan, kebangkitan Islam, pengaruh Barat dalam kehidupan umat Islam, kemiskinan di negara Islam dan masalah sosial.

Dalam konteks dunia moden yang semakin kompleks dan mencabar, istilah *Islam kontemporari* merujuk kepada pendekatan memahami dan mengaplikasikan ajaran Islam sejajar dengan keperluan, persoalan dan isu-isu semasa yang dihadapi oleh masyarakat moden.

Selain itu, cabaran dalaman seperti perpecahan dalam kalangan umat Islam dan kurangnya pemahaman terhadap ajaran Islam yang sebenar turut memberi kesan kepada usaha mempertahankan kedudukan Islam. Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan ideologi asing, umat Islam perlu sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar dan bersatu dalam mempertahankan agama dan negara.

Almarhum Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan antara cendekiawan dan tokoh pemikir Islam prolific di Malaysia, juga dikenali di peringkat antarabangsa, yang memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat Islam mendepani pelbagai cabaran khususnya melibatkan akidah di zaman kontemporari ini melalui sumbangan intelektual beliau sejak berdekad.

Dalam era globalisasi dan keterbukaan maklumat yang pesat, umat Islam kini berhadapan dengan pelbagai cabaran pemikiran yang meruncing seperti penyebaran fahaman liberalisme, sekularisme, serta penularan ajaran sesat melalui media sosial dan digital. Cabaran ini bukan sahaja mengancam akidah umat Islam malah menghakis nilai tradisional dan kefahaman agama yang sahih (Aiman Mahmad Nor et al., 2012; MAIS, n.d.). Dalam konteks ini, pemikiran Islam kontemporari memainkan peranan penting sebagai landasan responsif terhadap isu-isu semasa yang menggugat integriti umat Islam. Justeru, tokoh seperti Muhammad Uthman El-Muhammady tampil sebagai representasi intelektual Ahli Sunnah wal Jamaah yang berusaha mempertahankan ketulenan ajaran Islam dengan pendekatan yang berteraskan keilmuan tradisional serta kefahaman semasa (Isma'il Mina Ahmad, 2014).

Penulisan ini bertujuan untuk mengkaji dan mengupas mengenai sumbangan besar beliau dalam pembentukan pemikiran Islam kontemporari yang menekankan kesatuan umat Islam, pentingnya penguasaan ilmu, serta penerapan prinsip Islam dalam kehidupan seharian selain membentuk wacana Islam kontemporari yang seimbang agar masyarakat Islam tidak terjerumus ke dalam ajaran serta amalan ekstremisme mahupun liberalisme yang menyeleweng. Antara perkara yang dibincangkan dalam penulisan ini ialah:

- **Isu Utama:** Isu teras yang dibincangkan dalam artikel ini adalah mengenai sumbangan Muhammad Uthman El-Muhammady dalam pemikiran Islam kontemporari. Beliau telah memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran Islam yang relevan dengan cabaran semasa, terutama dalam menghadapi pengaruh luar seperti globalisasi, media sosial, dan ideologi Barat. Penekanan utama adalah pada pendekatan dakwah yang menyeluruh dan inklusif.
- **Kajian Terdahulu:** Sebelum ini, kajian-kajian terdahulu seperti yang dilakukan oleh Aizan Ali Mat Zin & Siti Hajar Aziz (2018) dan Sairan & Ahmad (2021) telah mengkaji pengaruh pemikiran beliau dalam pelbagai bidang, termasuk dakwah dan politik Islam. Kajian mereka telah menggariskan pentingnya pendekatan beliau dalam menanggapi isu-isu kontemporari dalam masyarakat Islam.
- **Kerangka Teori:** Dalam kajian ini, teori Ahli Sunnah Wal Jamaah dan teori dakwah Islamiyyah akan digunakan untuk memberikan penjelasan lebih mendalam mengenai pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady, terutama dalam pengaruhnya terhadap masyarakat Islam di Malaysia. Kerangka Teori

Sebagai kerangka konseptual untuk kajian ini, teori Ahli Sunnah Wal Jamaah digunakan untuk menyokong pendekatan dakwah dan politik Islam yang dibincangkan. Kerangka teori ini menggariskan bahawa dakwah dalam Islam seharusnya berteraskan kesederhanaan dan tidak berlebihan dalam mengejar kemodenan. Dengan itu, pendakwah perlu mampu untuk mengimbangi ajaran tradisional dengan keperluan semasa, yang mana El-Muhammady tekankan dalam karya-karyanya. Selain itu, teori dakwah Islamiyyah turut digunakan untuk membincangkan bagaimana dakwah secara aktif melalui pelbagai medium seperti media sosial dan seminar telah memberi impak kepada pengaruh pemikiran Islam kontemporari

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif bersifat induktif di mana penulis memulakan suatu permasalahan-permasalahan muncul secara am dan terbuka terlebih dahulu untuk interpretasi data dan kemudian daripada semasa ke semasa menjurus kepada hal yang spesifik (Kalbin Salim, 2018). Melalui metode ini, penulis menganalisis instrumen kajian iaitu dokumen berbentuk jurnal, artikel kertas kerja dan buku penulisan cendekiawan Islam yang terkenal di Malaysia, Muhammad Uthman El-Muhammady. Selain itu, beberapa dokumen yang membincangkan mengenai keperibadian dan sumbangan beliau dalam bidang pemikiran Islam turut dianalisis bagi mendapatkan data yang lebih menyeluruh bagi tujuan kajian ini.

Analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Pendekatan pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji selain menjadi sumber yang paling mudah kerana maklumat yang diperlukan sedia ada.

Kaedah induktif merupakan pendekatan menyeluruh dalam menganalisis data kualitatif kerana ianya melibatkan proses menaakul dan menghadam data bagi mendalami topik yang ingin aktiviti pengumpulan dan penafsiran maklumat yang diperolehi sebelum dibuat perbandingan, rumusan, pentafsiran dan penerangan (Azungah, 2018) sekaligus menjadikannya metode yang paling sesuai digunakan bagi mencapai objektif kajian ini.

Selain dokumen berkisar pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady yang diperolehi dari perpustakaan dan atas talian, penulis turut menganalisis kandungan bahan bertulis berkaitan dengan cabaran serta isu yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Malaysia pada masa kini bagi menunjukkan kepentingan sumbangan pemikiran beliau sebagai panduan dan pedoman kerangka pembangunan ummah yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.

### **Kajian Literatur**

Kajian terhadap pemikiran dan sumbangan Muhammad Uthman El-Muhammady telah menonjolkan kedudukan beliau sebagai seorang intelektual Islam yang teguh berpegang kepada tradisi ilmu Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menanggapi isu-isu semasa dengan hikmah dan kefahaman yang mendalam. Beberapa kajian terdahulu telah menelusuri aspek pemikiran dakwah, penulisan ilmiah dan peranan beliau dalam menangani cabaran Islam kontemporari.

Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad merupakan antara ahli akademik yang banyak mengkaji tentang sumbangan pemikiran beliau dari pelbagai aspek termasuk pendekatan dakwah beliau. Dalam jurnal mereka yang bertajuk '*Pemikiran Dakwah Muhammad Uthman El-Muhammady dan Kesannya terhadap Islam di Malaysia*', Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad (2021) menyatakan bahawa pemikiran dakwah Muhammad Uthman El-Muhammady, yang turut dikenali sebagai pendukung tegar manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah, dibina atas lima asas utama iaitu hukum berdakwah, topik dakwah (maddah al-da'wah), sasaran (mad'u), kaedah (tariqat al-da'wah), dan matlamat dakwah (maqasid al-da'wah). Keseluruhan struktur ini digerakkan melalui pendekatan tradisi Islam yang kukuh, sekaligus memperkukuh daya tahan umat Islam dalam mendepani cabaran zaman moden.

Berkongsi pandangan yang sama, Umami Zainab Mohd Ghazali dan Muhammad Azizan Sabjan (2018) menerusi kajian beliau mendapati Muhammad Uthman El-Muhammady menerapkan pendekatan dakwah yang bersifat menyeluruh. Penyampaian dakwah beliau tidak hanya berlegar dalam wacana ceramah semata-mata, malah diperluas melalui penulisan dan penyampaian teladan melalui peribadi (bi al-lisan, bi al-hal, bi al-kitabah). Pendekatan ini mencerminkan kefahaman holistik dalam menterjemahkan ajaran Islam ke dalam kehidupan masyarakat moden.

Aizan Ali Mat Zin dan Siti Hajar Aziz (2018) pula menganalisis peranan penulisan Muhammad Uthman El-Muhammady dalam menyampaikan wacana ilmu secara mendalam, khususnya dalam bidang akidah, falsafah, tasawuf dan isu-isu semasa. Penulisan beliau dilihat sebagai medium pencerahan intelektual kerana ianya bukan sekadar berbentuk akademik, tetapi juga menjadi alat dakwah yang menyebarkan nilai-nilai Islam sejati kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Selain itu, Muhammad Uthman El-Muhammady juga lantang menentang ideologi Barat seperti liberalisme, sekularisme, dan pluralisme agama yang bercanggah dengan ajaran Islam. Pandangan ini lahir daripada keprihatinan beliau terhadap kebejatan pemikiran yang menggugat asas akidah umat Islam. Kajian oleh Ghazali dan Sabjan (2018) menegaskan bahawa beliau menangani isu ini dengan pendekatan ilmu berteraskan dalil-dalil syarak seperti al-Quran, Sunnah, ijma 'dan qiyas.

Melalui peranan beliau sebagai felo di institusi seperti IKIM, ISTAC dan SUHAKAM, Muhammad El-Muhammady memperjuangkan wacana Islam yang progresif tetapi tetap berakar dalam tradisi keilmuan Islam. Beliau berupaya menjadi jambatan antara wacana klasik dan kontemporari tanpa menyampingkan prinsip agama. Perkara ini turut ditegaskan dalam analisis Aizan Mat Zin dan rakan-rakan (2018) yang menunjukkan kebolehan beliau mengupas falsafah Barat dan falsafah Islam secara kritikal dan mendalam.

Berikut ialah penstrukturan semula *Kajian Literatur* dalam bentuk jadual:

| Pengkaji                                         | Fokus Kajian                    | Penemuan Utama                                                                 | Sumbangan kepada Kajian                                         |
|--------------------------------------------------|---------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| Mohd Ammyrul Ashraf Sairan & Shukri Ahmad (2021) | Pemikiran dakwah                | Dakwah berasaskan lima elemen utama; menekankan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah | Struktur dakwah menyeluruh                                      |
| Ummi Zainab & Muhammad Azizan (2018)             | Pendekatan dakwah dan penulisan | Dakwah holistik: ceramah, penulisan, teladan akhlak                            | Mengukuhkan kefahaman dakwah kontemporari                       |
| Aizan Mat Zin & Siti Hajar Aziz (2018)           | Wacana falsafah & akidah        | Kritikan terhadap ideologi Barat, perbandingan falsafah Islam dan Barat        | Peranan penting El-Muhammady sebagai juru bicara keilmuan Islam |
| Isma'il Mina Ahmad (2014)                        | Ketokohan & epistemologi        | Menyifatkan El-Muhammady sebagai simbol "living intellectual tradition"        | Membina dasar keilmuan berpaksikan Sunnah                       |

### Masalah Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dengan Islam merupakan agama rasmi di bawah Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Meskipun umat Islam merupakan golongan majoriti di negara ini, dengan etnik Melayu sahaja yang beragama Islam menyumbang kepada 60 peratus daripada populasi Malaysia, namun mereka tidak terlepas daripada cabaran dan ancaman dalaman dan luaran yang berpotensi mengucar-ngacirkan bukan sahaja institusi agama malah sistem pentadbiran negara. Justeru, kajian ini dibuat bagi meneliti sumbangan seorang tokoh ilmunan dan pendakwah terkemuka di Malaysia dan Nusantara, Muhammad Uthman El-Muhammady, menerusi penulisan, dakwah dan keperibadian beliau dari pelbagai aspek dalam mendepani cabaran masyarakat Islam di era moden ini.

Antara cabaran utama yang dihadapi masyarakat Islam di Malaysia dewasa ini berpunca daripada perkembangan pesat teknologi maklumat apabila media sosial mula berubah menjadi keperluan semasa dalam kehidupan sebahagian besar masyarakat. Memetik data di laman sesawang meltwater.com pada Januari 2024, pengguna media sosial di Malaysia mencecah sebanyak 28.68 juta orang, bersamaan dengan 83.1 peratus daripada populasi keseluruhan negara ini dan jumlah tersebut menunjukkan peningkatan lebih satu peratus saban tahun dengan anggaran lebih 357,000 pengguna,

Perkembangan teknologi informasi yang melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak memberi impak besar terhadap pola perilaku serta pemikiran masyarakat di mana ianya membawa kepada proses perubahan budaya, etika dan norma yang sedia ada.

Penggunaan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter (Aplikasi X), Telegram, Instagram dan sebagainya yang tidak terkawal seterusnya membuka ruang kepada penyebaran maklumat palsu yang boleh menjurus kepada salah faham dan pemesonan akidah di kalangan masyarakat khususnya golongan muda atau mereka yang kurang ilmu mengenai ajaran Islam sebenar.

Situasi ini turut diperakui oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri Melaka Datuk Rahmad Mariman dalam laporan portal berita AstroAwani (2024), yang menurut beliau “medium berkenaan (media sosial) menjadi platform kepada penyebar hadis tanpa ilmu seperti hadis dhaif dan hanya menggunakan pandangan peribadi sehingga mengelirukan masyarakat Islam selain merosakkan akidah serta menyebabkan perpecahan dan perbalahan dalam kalangan umat Islam.”

Selain penyebaran hadith palsu, media sosial juga menjadi platform yang digunakan oleh golongan pemikir liberal menyampaikan ideologi mereka seperti yang ditekankan oleh Mufti Pulau Pinang Mohd Sukki Othman (2025) dalam penulisannya bahawa cabaran besar dalam mendidik generasi muda ialah pengaruh budaya luar yang semakin menular melalui media sosial dan platform digital.

Majlis Agama Islam Selangor dalam sebuah artikel bertajuk ‘Waspada Ancaman Media Sosial’ yang dimuatnaik dalam portal rasmi agensi tersebut pula mengingatkan masyarakat mengenai kemunculan aliran pemikiran modenisasi, progresif atau liberal dari dunia barat melalui media massa boleh mengakibatkan penentangan terhadap agama dan budaya serta memberikan ancaman kepada umat Islam. Sebagai contoh, golongan pemikir liberal yang menyandarkan pandangan mereka terhadap kehidupan, agama dan negara yang dikupas dari kacamata Barat atas asas kebebasan berfikir, hak asasi manusia dan logik akal mendatangkan kekeliruan apabila mencampur adukkan dengan ayat al-Quran serta hadis dalam hujahan mereka (Norsaleha Mohd. Salleh et al., 2017).

Sehubungan itu, sumber pengambilan maklumat ilmu yang tiada tapisan dalam menentukan kesahihannya menyebabkan berlakunya pelbagai kekeliruan dalam pengetahuan agama khususnya pada perkara yang melibatkan akidah Islam dan natijahnya, lahirilah pelbagai ideologi, fahaman, pengajaran dan amalan yang menyesatkan, mendorong anak muda yang tiada didikan agama untuk mudah terjebak menjadi pengikut setia (Majlis Agama Islam Selangor, n.d.)

Dalam mendepani serangan ideologi yang berisiko tinggi memesongkan akidah umat Islam di platform media massa, pada September 2024, Malaysia digemparkan dengan penemuan mengejutkan mengenai gerakan ajaran sesat yang berselindung di sebalik syarikat konglomerat swasta Islam terkemuka di Malaysia yang memegang aset bernilai kira-kira RM325 juta, dengan 415 cawangan perniagaan di 20 negara, termasuk Britain, Amiriah Arab Bersatu (UAE) dan Perancis.

Kegiatan GISBH yang mempunyai seramai 5,346 orang pekerja di 25 anak syarikatnya (Berita Mediacorp, 2024) terbongkar apabila pihak berkuasa melakukan serbuan besar-besaran yang dinamakan “Ops Global” ke atas lebih 20 buah rumah amal dan premis yang dikendalikan

pertubuhan itu di seluruh negara pada September 2024 dan menyelamatkan lebih 600 kanak-kanak yang sebahagian besarnya didakwa menjadi mangsa dera secara fizikal dan seksual, dieksploitasi untuk mengaut keuntungan dan didoktrin sejak kecil dengan ajaran sesat (BenarNews, 2024).

GISBH ditubuhkan daripada saki-baki Al-Arqam, sebuah gerakan ajaran sesat yang diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia pada 1994, dengan pengasasnya Allahyarham Ashaari Muhammad, juga merupakan pengerusi GISBH yang sebelum ini pernah ditahan selama dua tahun di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) (Berita Mediacorp, 2024).

Susulan pembongkaran tersebut, Perlis menjadi negeri pertama menfatwakan kepercayaan dan ajaran dalam GISBH adalah berunsur ajaran sesat khususnya secara batiniah serta merupakan kesinambungan daripada ajaran kumpulan al-Arqam ekoran perbincangan jawatankuasa fatwa negeri tersebut berdasarkan bukti yang meyakinkan diikuti dengan negeri-negeri lain (BenarNews, 2024).

Menurut kenyataan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis bertarikh 20 September, 2024 organisasi tersebut mengkultuskan pemimpin mereka atau tokoh-tokoh agama yang mereka percaya sehingga melampaui batasan ke tahap seakan menyamakan kedudukan pemimpin atau tokoh agama setaraf Nabi Muhammad atau mempunyai keajaiban seperti mengetahui perkara ghaib seakan Tuhan adalah fahaman yang bersifat batiniah, menyeleweng dan sesat.

Pengkultusan tersebut boleh mandatkan pelbagai impak seperti melahirkan ketaksuban melampau dalam kalangan pengikut sehingga mentaati arahan pemimpin atau golongan agama secara membuta-tuli sekalipun jelas bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah selain mengakibatkan wujudnya hukum-hakam syarak yang baharu untuk menjustifikasikan aktiviti mereka yang bercanggah dengan syariat seperti hukum-hakam solat, pernikahan (munahakat) dan juga mualamat (urusan ekonomi) (Jabatan Mufti Perlis, 2024).

Mufti Pulau Pinang Datuk Dr Mohd Sukki Othman (2024) turut menyuarakan kebimbangannya terhadap ajaran ekstrem yang disifatkan sebagai satu ajaran melampau, berlebih-lebihan dari sepatutnya serta keterlaluan yang bukan dari ajaran Islam sehingga menyebabkan timbulnya sikap ekstremisme sekaligus membahayakan individu serta memberi mudarat dan sekiranya tidak ditangani sebaiknya akan memberi kesan besar terhadap masyarakat serta negara.

Ini kerana golongan terbabit membawa perwatakan seolah-olah daripada Islam namun hakikatnya ia bukanlah ajaran yang sebenar, seterusnya mendatangkan fitnah kepada Islam itu sendiri sekiranya masalah tersebut tidak ditangani dan semakin merebak (AstroAwani, 2024).

Atas dasar seumpama inilah, kajian ini meneliti pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady berlandaskan pegangan Sunnah Wal Jamaah, dalam menangani isu kontemporari yang timbul berikutan pendedahan dan kebergantungan kepada maklumat-maklumat daripada media massa tanpa mengkaji kesahihan atau menyemak silang dengan fakta sebenar.

### **Definisi Pemikiran Islam**

Secara umumnya istilah “pemikiran” disebut sebagai “falsafah” dan “tasawwur” merupakan hasil akal manusia dalam kitaran masyarakat melalui aktiviti atau gerakan pemikiran tertentu manakala “pemikiran Islam” (al-fikr al-Islami) merupakan satu istilah baru yang digunakan


dalam bidang penulisan ilmiah kontemporari, justeru, tiada definisi khusus bagi istilah pemikiran Islam.

Namun berdasarkan pelbagai pengertian yang diketengahkan oleh beberapa tokoh pemikir Islam, Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid (2005) merumuskan bahawa ianya merujuk kepada dasar dan ajaran yang dibawa oleh Islam serta pandangan, gagasan atau idea dengan berintipatikan tiga unsur utama -berkait dengan aktiviti akal, bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah serta melibatkan ilmu ketuhanan, insan dan alam menurut perspektif Islam.

Pemikiran Islam yang terbentuk daripada himpunan idea dan ilmu pengetahuan hasil daripada gerakan pemikiran berlandaskan dasar Islam seterusnya membentuk disiplin ilmu-ilmu Islam seperti ilmu kalam, fiqh, usul al-fiqh, tasawuf dan sebagainya akan berkembang selari dengan perkembangan dalam masyarakat Islam di mana isu yang ditangani adalah berbeza bagi setiap zaman dan generasi (Mohd Fauzi Hamat, 2008).

Ia juga merupakan ilmu terhadap segala sesuatu (unsur epistemologi) yang mengandungi unsur tasawur hakiki (ontologi) dan penilaian (aksiologi), justeru, pemikiran Islam bukan sahaja teori, semata-mata malahan ianya juga melibatkan praktik (Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid (2005).

Dalam konteks pemikiran tradisional Islam, Muhammad Uthman El-Muhammady mendefinisikannya sebagai “pemikiran yang berkaedah dan bermatlamat hakiki yang merupakan cara berfikir dan memahami masalah manusia, hidup serta kebahagiaannya dan hubungan yang sebaiknya dengan Tuhannya dan alam sekitar termasuk alam yang kekal abadi dengan dipandu suluh cahaya wahyu dan Nubuwwah serta dibantu oleh akal yang sejahtera sebagaimana yang diajar dalam Islam (Ahli Sunnah wal Jama'ah) (Isma'il Mina Ahmad, 2014).



**Rajah 1: Menggambarkan Tren Perkembangan Pemikiran Islam di Malaysia dari Zaman Tradisional Hingga Kontemporari. Seperti Yang Ditunjukkan, Ideologi Islam Tradisional Mendominasi Pada Awal Abad Ke-20, Manakala Pemikiran Kontemporari Mulai Berkembang Seiring Dengan Pengaruh Globalisasi dan Penggunaan Media**

## **Sosial. Perkembangan Ini Menunjukkan Bagaimana Masyarakat Islam di Malaysia Semakin Terbuka Kepada Pemikiran Islam Kontemporari Yang Dipengaruhi Oleh Perubahan Zaman**

### **Latar Belakang Muhammad Uthman El-Muhammady**

#### ***Pendidikan, Kerjaya dan Pencapaian***

Dilahirkan pada tahun 1943 di Kampung Telok, Panji, Kota Bharu, Kelantan, Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan seorang tokoh pemikir dan ilmuan Islam terkemuka di Malaysia dan Nusantara. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu, sebelum memasuki Special Malay Class di Sekolah Sultan Ismail sehingga Tingkatan 5.

Beliau kemudian mengambil Higher School Certificate (HSC) di Maktab Sultan Abdul Hamid sebelum melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana di Fakulti Pengajian Islam di Universiti Malaya sambil bekerja sebagai tutor di situ pada tahun 1969 (YADIM, 2015).

Usaha dan penulisannya yang komprehensif dari aspek pemikiran akidah, fiqh, dakwah, dan politik Islam selain gerakan dakwahnya yang menggabungkan tradisi intelektual Islam dengan pemikiran moden untuk menghasilkan perspektif yang unik dan relevan dengan cabaran semasa di Malaysia telah melayakkan beliau menerima anugerah Ijazah Doktor Persuratan Kehormat (D.Litt.) daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 1995.

Beliau turut menerima gelaran ijazah kehormat Doktor Falsafah (PhD), Universiti Utara Malaysia dan pernah dilantik sebagai Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sejak 1995 hingga 2008 (Yadim, 2015).

Jawatan terakhir yang disandang beliau adalah Felo Amat Utama Akademik ISTAC DI Universiti Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Karyawan, juga pensyarah sambilan peringkat ijazah sarjana dalam Perbandingan Agama di Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebelum beliau meninggal dunia pada 25 Mac 2013 pada usia 70 tahun (DakwahMaya, 2014). Antara pencapaian lain beliau termasuk pernah dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah pada tahun 2005 serta menjawat jawatan Profesor Adjung Pengajian Islam Universiti Petronas.

Kefasiahannya dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Arab dan Inggeris di samping ilmunya yang tinggi serta kebolehannya menghuraikan sesuatu konsep yang sukar dengan bahasa yang mudah menjadikannya antara tokoh yang sering dijemput membentangkan kertas-kertas kerja di seminar, sama ada di dalam mahupun di luar negara (YADIM, 2015).

Sumbangan keilmuan Muhammad 'Uthman El-Muhammady jelas terbukti daripada hasil pelbagai kegiatan keilmuan yang beliau ceburi iaitu dari segi pengajaran, pendakwahan, penulisan dan penerbitan (Ummi Zainab Mohd Ghazali dan Muhammad Azizan Sabjan, 2018).

Beliau memiliki kebolehan dalam memahami ilmu-ilmu yang berkaitan dengan ilmu falsafah Islam Klasik, falsafah Islam Kontemporari serta falsafah Barat iaitu falsafah Greco-Alexandario dengan baik. Malah, beliau turut mempunyai peranan penting dalam kajian terhadap kitab-kitab Islam, ekonomi, politik dan sejarah.

### ***Sumbangan Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady:***

Nama Muhammad Uthman El-Muhammady tidak asing lagi dalam dunia akademik, agama dan kesusasteraan sejak bebearap dekad lalu. Bagi topik ini, penulis akan membincangkan sumbangan beliau melalui bidang penulisan serta pemikiran beliau dalam beberapa aspek iaitu dakwah, politik, sosiologi dan akhlak hasil daripada analisis, pemerhatian dan perbandingan yang dibuat ke atas beberapa sumber rujukan termasuk karya yang dihasilkan oleh beliau sendiri.

### ***Bidang Penulisan***

Bidang penulisan merupakan bidang yang paling banyak diceburi sepanjang hayat Muhammad Uthman El-Muhammady. Sumbangan beliau dapat dilihat dalam usahanya memelihara keaslian ilmu Islam di tengah arus pascamodernisme dan globalisasi yang sering mencabar nilai-nilai tradisi melalui pendekatan yang bersifat inklusif tetapi berprinsip,

Selain kemantapan ilmu-ilmu agama teras yang kualitinya hampir sama dengan ulama-ulama terdahulu, beliau juga memahami dengan baik dan fasih terhadap ilmu-ilmu yang berkaitan dengan falsafah Islam Klasik, falsafah Islam Kontemporari serta kefahaman yang luas berhubung pemikiran falsafah Moden dan Pasca Moden (Ummi Zainab Mohd Ghazali dan Muhammad Azizan Sabjan, 2018)

Penulisan-penulisannya seringkali dipaparkan dalam akhbar-akhbar dan majalah yang diterbitkan di seluruh Malaysia, di mana beliau turut menjadi salah seorang daripada sidang pengarang Majalah Pengasuh, antara majalah tertua yang menjadi wadah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan memuatkan artikel-artikel pelbagai tema perbincangan seperti pemikiran tempatan, fatwa, kesusasteraan, al-Quran, hadis, tasawuf, akhlak, pendidikan, falsafah dan lain-lain (Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abdul Rahman, 2020).

Menurut hasil kajian Aizan Ali Mat Zin dan Siti Hajar Aziz (2018), terdapat sebanyak 226 penulisan yang telah diterbitkan oleh beliau dalam tempoh empat dekad sejak 1970an sehingga tahun 2000 dengan kebanyakan daripadanya merupakan kertas kerja iaitu sebanyak 154 unit. Beliau seringkali membentangkan kertas-kertas kerja di seminar-seminar yang dianjurkan oleh badan kerajaan mahupun institut pengajian tinggi.

Berikut merupakan bilangan karya berdasarkan jenis penulisan yang telah dihasilkan oleh beliau sepanjang tempoh tersebut:

**Jadual 1: Jenis Dan Bilangan Penulisan Sepanjang Empat Dekad**

| <b>Jenis Penulisan</b> | <b>Bilangan</b> |
|------------------------|-----------------|
| Kertas Kerja           | 154             |
| Artikel                | 31              |
| Bab Buku               | 24              |
| Buku                   | 11              |
| Terjemahan             | 3               |
| Suntingan              | 2               |
| Disertasi              | 1               |
| <b>Jumlah</b>          | <b>226</b>      |

Sumber: Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 13 (2), 2018, 55-64.

Antara usaha besar beliau termasuk menterjemahkan tafsir al-Quran Maulana Abdullah Yusuf ke dalam bahasa Inggeris dalam tujuh jilid. Buku-buku lain termasuk Fathul Mu'in, Terjemahan dan Huraian Maksud, Peradaban dalam Islam (diulang cetak beberapa kali), Memahami Islam, Islam, Peribadi, Tarbiah dan Institusi serta Islam dan Kebudayaan (YADIM, 2015).

Peninggalan warisan dan korpus ilmu oleh Muhammad 'Uthman El-Muhammady banyak memberi pencerahan berkaitan dengan isu-isu dalam agama Islam yang secara tidak langsung memberi sumbangan yang besar terhadap, dijadikan sebagai pedoman serta sumber rujukan.

### ***Pemikiran Dakwah dan Politik Muhammady***

Muhammad Uthman El-Muhammady adalah antara tokoh yang sangat produktif dalam usaha penyebaran dakwah melalui penulisan (bi al-kitabah), selain daripada akhlak yang baik atau perbuatan nyata (bi al-hal) dan dakwah secara lisan (bi al-lisan). Terkenal dengan keperibadian yang sentiasa merendah diri, ramah dan tenang (YADIM, 2015) beliau menekankan bahawa dakwah bukan sekadar menyampaikan risalah Islam tetapi juga melibatkan pembinaan sahsiah individu dan masyarakat Islam secara holistik (Dakwah Maya, 2014).

Sebagai seorang pejuang tegar ahli Sunnah wa al-Jama'ah dengan konsep pemikiran dakwah beliau berpaksikan Al-Quran, al-Sunnah, al- Ijma' dan al-Qiyas dalam menentang unsur-unsur pemikiran dan ideologi moden yang dibawa daripada golongan gerakan Barat seperti fahaman Liberalisme, Sekularisme dan Pluralisme Agama, kepakaran ilmu yang beliau miliki menyumbang kepada pembangunan dakwah Islamiyyah di Malaysia (Ummi Zainab Mohd Ghazali, and Muhammad Azizan Sabjan, 2018).

Ismail Mina Ahmad (2014) menyifatkan beliau sebagai tokoh representatif Ahli Sunnah wal Jamaah hidup (living intellectual tradition) yang telah dapat merungkai masalah dan kemelut pemikiran dalam isu-isu kontemporari Malaysia dengan baik dan jelas serta terarah, sama ada tercetus akibat daripada sumber dalaman religio-politik domestik semasa, mahupun cabaran pemikiran dan falsafah globalisasi intelektual Barat dari luar.

Menurut kajian Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad (2021) keilmuan tasawuf dan kerohaniannya Muhammad Uthman El-Muhammady diimbangi dengan ilmu kasbi, ilmu tafsirnya berpandukan kepada ilmu tawil, manakala ilmu logik akal dipandu arah oleh ilmu al-Quran dan Sunnah.

Muhammad Uthman El-Muhammady (1996) dalam penulisannya yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur menumpukan kepada kepentingan tuntutan umat Islam mengamalkan pegangan Sunnah Wal Jamaah, dengan huraian terperinci mengenai sejarah dan konsepnya. Dalam buku yang bertajuk *Sejarah dan konsep Ahli's-Sunnah Wa'l-Jama'ah*, beliau menjelaskan pengertian istilah "Sunnah" yang merujuk kepada sunnah atau hadis Nabi Muhammad S.A.W manakala "Jamaah" pula merujuk kepada golongan para sahabat terutamanya Khulafa' Al- Rashidin yang mengikuti perjalanan Nabi Muhammad S.A.W dan dididik oleh Baginda.

Beliau juga menerangkan mengenai lapan golongan yang termasuk dalam firqah Ahli Sunnah wal Jama'ah sebagaimana yang dicatitkan oleh Imam Abd al-Qahir al-Baghdadi dalam kitabnya "Al-Farq bayna al-Firqah", antaranya golongan Mutakallimin, Fuqaha, Sufis, Ahli Tariqat, Mufasssin, Muhaddithin, Ahli Bahasa Arab dan lain-lain lagi serta beberapa kriteria. Turut dimuatkan dalam buku tersebut mengenai ciri-ciri golongan tersebut seperti tidak

mensyirikkan Allah, menjauhi perkara-perkara bid'ah, mempunyai ilmu yang tentang Al-Quran dan Hadith dan juga golongan yang dikategorikan sesat seperti mazhab Syiah yang telah dilarang untuk diamalkan di Malaysia sebagaimana yang diputuskan oleh Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada Mei 1996 (JAKIM, 1996).

Bagi Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad (2015), pencerahan sahih dan jelas seperti yang dikupas oleh Muhammad Uthman El-Muhammady dalam buku tersebut dan juga penerbitan agama atau dakwah beliau yang lain secara tidak langsung dapat menghindarkan seseorang Muslim dari terpengaruh dengan pemikiran agama dan falsafah moden.

Pandangan tersebut selari dengan Isma'il Mina Ahmad (2014) yang melihat beliau sebagai seorang inteligensia ulama kontemporari yang lantang mewacana dan mendepani semua isu pemikiran dan falsafah melalui suluhan pemikiran dan ajaran serta doktrin Ahli Sunnah wal Jamaah yang sempurna secara ilmiah, konsisten, berprinsip, bermaruah dan tuntas.

Jika diteliti setiap wacananya, Muhammad Uthman El-Muhammady telah menggunakan disiplin dan sistem keilmuan yang ketat dalam bingkai ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah seperti yang terdapat sepanjang sejarah dan tamadunnya sebagai dasar perbincangan (Isma'il Mina Ahmad, 2014).

Ummu Zainab Mohd Ghazali (2020) berpandangan pendekatan dakwah melalui pemikiran beliau sangat diperlukan dalam kalangan masyarakat masa kini, memandangkan amalan liberalisme disifatkan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady sebagai sangat bercanggah dengan akidah Islam (Isma'il Mina Ahmad, 2014) yang sedang mengancam keberadaan agama Islam beraliran arus perdana di Malaysia dan di Dunia Melayu (Muhammad Uthman El-Muhammady, 2009).

Dalam kertas kerja bertajuk '*Gerakan Aliran Pemikiran Baru dan Cabarannya Kepada Umat Islam*' itu, beliau memetik buku suntingan Leonard Binder '*Islamic Liberalism*', buku suntingan Charles Kurzman, '*Liberal Islam A Source Book*'; himpunan tulisan-tulisan seperti '*Islam Liberal dan Fundamental Sebuah Pertarungan Wacana*', yang jelas membicarakan tentang penentangan terhadap '*theodicy*' (konsep keadilan Tuhan), sokongan terhadap demokrasi Barat, hak-hak wanita secara Barat, hak-hak bukan Islam dan kebebasan berfikir.

Pada masa yang sama beliau turut menyentuh mengenai cabaran lain yang boleh memecahbelahkan perpaduan umat Islam akibat fahaman yang pelbagai jenisnya yang bercanggah dan menggugat pemikiran arus perdana Islam serta mengancam keselamatan negara antaranya gerakan Syiah, Wahabbiah, pemikiran secara sekular, orientalisme, globalisasi, konsumerisme, budaya selebriti, dan '*trivialization of culture*'.

Selain menggariskan permasalahan yang timbul ekoran penularan gerakan aliran pemikiran baru di kalangan masyarakat Islam yang dilihat semakin membarah pada hari ini, Muhammad Uthman El-Muhammady turut melontarkan cadangan supaya fahaman Ahli sunnah yang menyeluruh dimasukkan ke dalam sistem pendidikan dan pendedahan tentang aliran-aliran yang mencabar Islam arus perdana diberikan kepada semua lapisan masyarakat Islam dalam usaha mengatasi cabaran tersebut.

Kesungguhan beliau dalam menangani isu ajaran sesat dan gerakan aliran pemikiran baru ini dapat dilihat apabila beliau menerbitkan sebuah lagi wacana bertajuk '*Ajaran Dan Pemikiran Sesat Dalam Konteks Islam*' yang mengupas lebih lanjut mengenai topik tersebut pada tahun yang sama (2009).

Dalam bidang politik pula, Muhammad Uthman El-Muhammady berpendapat bahawa prinsip-prinsip Islam harus diterapkan dalam pemerintahan dan kehidupan politik masyarakat. Beliau mengkritik amalan politik yang bercanggah dengan ajaran Islam dan menegaskan bahawa politik yang benar mestilah berlandaskan prinsip keadilan, kesaksamaan, dan integriti.

Pemikiran politik El-Muhammady banyak dipengaruhi oleh idealisme ulama klasik Ahli Sunnah Wal-Jemaah seperti imam al-Ghazali dan al-Mawardi (Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad, 2019).

Pemikiran beliau dalam politik Islam banyak memberi kesan kepada cara umat Islam di Malaysia memahami hubungan antara agama dan negara (Aizan Ali Mat Zin & Siti Hajar Aziz, 2015).

Antara pandangan beliau dari sudut politik termasuk sesuatu demokrasi itu seharusnya bercirikan pilihan raya yang bebas, kewartawanan yang bebas, pemerintahan bermajoriti, sikap sama-rata kepada parti, kebebasan bersuara dan menyumbang pendapat serta memahami hakikat, dan kewajipan serta kawalan ke atas kerajaan tambah. Bagaimanapun, pendemokrasian Islam ini tidak akan tercapai matlamatnya seandainya elemen integriti tidak diberi tumpuan dalam pembentukan masyarakat, dalam kata lain, sistem yang bagus tanpa masyarakat yang berintegriti akan mengakibatkan kegagalan dalam pelaksanaan demokrasi Islam (Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad, 2019).

### ***Sosiologi dan Akhlak***

Sosiologi merupakan disiplin ilmu bagi mengkaji interaksi manusia yang meliputi pelbagai bidang. Bagi Muhammad Uthman El-Muhammady, kumpulan sosial yang membentuk dan berupa sebuah entiti masyarakat mestilah dibina atas asas 'taqwa Allah' dengan kukuh pada semua peringkat dan strata (Isma'il Mina Ahmad, 2014).

Pendirian ini berbeza dengan teori sosial yang diketengahkan oleh sarjana Barat yang hanya berteraskan kepada ideologi dan falsafah buatan manusia, berdasarkan kepada kelas dan strata sosial yang kesemuanya mengfokuskan kepada fahaman berbentuk materialisme dalam segenap aspek (Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad, 2022). Tidak hairanlah dalam wacana kaum sekular dari pemikiran Barat dan Timur meletakkan kepimpinan politik dan para selebriti hedonistik di tempat tertinggi dalam hierarki sosial, sedangkan bagi masyarakat sosial dalam konteks Islam yang dibina berlandaskan ketakwaan, para Rasul dan Nabi diletakkan di tangga tertinggi, diikuti oleh para sahabat, siddiqin, syuhada', salaf al-solih dan golongan ulama' yang rasikh serta amilin (Isma'il Mina Ahmad, 2014).

Muhammad Uthman El-Muhammady mempertahankan kepentingan peranan asabiyyah yang digambarkan sebagai tiang seri kelangsungan sesuatu bangsa (Isma'il Mina Ahmad, 2014) meskipun terdapat perspektif negatif terhadap konsep tersebut. Namun beliau mengingatkan bahawa sungguhpun sesebuah bangsa memiliki sifat asabiyyah pada tahap dan entiti yang berbagai tetapi mereka harus sedar akan kewajipan mereka mempunyai satu semangat asabiyyah yang kuat hasil daripada gabungan asabiyyah yang berbagai corak dalam suatu permuafakatan yang besar bagi mengelakkan perpecahan bangsa, seperti yang berlaku kepada

masyarakat Melayu Malaysia hari ini (Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad, 2022).

Seperti yang ditekankan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady (n.d) dalam karya bertajuk '*Ilmu, Pendidikan dan Gerakan Islam*', "Aspek-aspek perkembangan peradaban yang mendatangkan kekuatan kepada umat yang perlu difahami, termasuk aspek pembangunan 'akal tambahan' dalam umat yang mendatangkan kekuatan sebagai gandingan kepada perpaduan dalam asabiyyah dan juga keimanan kepada pegangan agama yang kuat."

Memetik hujah Badi'uzzaaman Sa'id Nurshi yang diterjemahkan, beliau menyampaikan bahawa kesedaran dan bangkitnya semangat nasionalisme itu sama ada positif, dimana ia berkembang melalui rasa kasih sayang kepada kaum bangsa seseorang dan ia menjadi asbab bagi mengenali antara satu sama lain serta tolong menolong sesama mereka, bagaimanapun ia akan menjadi negatif apabila ianya timbul disebabkan semangat rasis dan menjadi sebab kebencian dan permusuhan antara satu sama lain. Dan ini (negatif) ditolak oleh Islam (Isma'il Mina Ahmad, 2014).

Dari sudut perubahan sosial, kemunculan gerakan aliran baru, globalisme, penularan pengaruh Barat dan perkembangan teknologi maklumat tanpa sempadan secara tidak langsung menyumbang kepada kemerosotan sosial yang kian ketara di kalangan masyarakat Islam di Malaysia, - kes buli, dera, bunuh dan rogol menjadi tajuk berita saban hari, adab setiap generasi semakin luntur jelas dari kandungan yang dimuatnaik atau ditinggalkan di ruangan komen media sosial, perasaan malu makin hilang dalam usaha meraih 'like' dan 'view' dari pengikut di alam maya.

Salah satu penyelesaian menurut Muhammad Uthman El-Muhammady (2018) bagi masalah-masalah akhlak seumpunya merentasi semua zaman adalah pemupukan akhlak. Mengulas lanjut, beliau berkata "ajaran Islam tentang akhlak yang mulia adalah merupakan penyelamat yang jelas bagi manusia yang berada dalam alam moden yang memberi pengajaran palsu tentang manusia dan keutamaannya serta apa-apa yang berlawanan dengannya."

Pengembalian fungsi masjid sebagai pusat rohaniah, pendidikan dan kegiatan sosial Muslim seperti majlis ilmu serta mesyuarat antara pemimpin dan rakyat untuk menyelesaikan isu setempat selain fungsinya sebagai rumah beribadah, juga mampu mengatasi sebahagian daripada cabaran sosial yang sedang dihadapi masyarakat Islam (Muhammad Uthman El-Muhammady, 2020).

## Kesimpulan

Pemikiran dan sumbangan Muhammad Uthman El-Muhammady dalam pelbagai bidang, terutama dalam dakwah, akidah, dan politik Islam, memberikan impak besar kepada perkembangan Islam khususnya di Malaysia. Sumbangan beliau tidak hanya terhad kepada penulisan dan pengajaran, tetapi juga dalam pembentukan masyarakat Islam yang berdaya saing dan berlandaskan pegangan Sunnah wal Jamaah. Dalam era kontemporari di mana masyarakat Islam di negara ini berdepan dengan ancaman penyelewengan aqidah, perpecahan ummah, keketatan ilmu agama serta kerapuhan iman terutama sekali di kalangan generasi muda, dapat dilihat bahawa sumbangan intelektual beliau adalah signifikan untuk dijadikan pedoman selain memberi inspirasi dalam menghadapi cabaran semasa yang timbul ekoran kepesatan kemajuan teknologi maklumat, pengaruh Barat yang kian menular dan pergelutan kuasa. Karya-karya ilmiah beliau yang masih diwarisi dan dijadikan sebagai bahan rujukan serta sumber kajian oleh pelbagai pihak termasuk agensi agama Islam sehingga abad ke-21

jelas menunjukkan pemikiran dan pendekatan dakwah yang disampaikan sejak puluhan tahun lalu kekal relevan sekaligus meletakkan beliau sebagai salah seorang intelegensia Muslim kontemporari yang memainkan peranan penting dalam mempertahankan, menyebarkan dan memperjelas ajaran Islam yang tulen dalam konteks zaman moden.

### Penghargaan

Pengkaji merakamkan ribuan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari yang menganjurkan Virtual Konferensi Sains, Etika dan Peradaban. Semoga kertas kerja ini dapat memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada pembaca dan pengkaji dalam memahami dengan lebih mendalam tentang pemikiran Islam yang relevan dengan cabaran semasa.

### Rujukan

- Aiman Mahmad Nor, Mohammad Syahmi Fakharazi dan Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Islam di Dunia Kontemporari Baru* [https://eprints.utm.my/35427/1/JasmiKA2012\\_Islam diDuniaKontemporariBaru.pdf](https://eprints.utm.my/35427/1/JasmiKA2012_Islam%20diDuniaKontemporariBaru.pdf)
- Aizan Ali Mat Zin&Siti Hajar Aziz. (2018) *Muhammad Uthman El-Muhammady: Analisis Sumbangannya dalam Penulisan*. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/12134>
- Ashraf Sairan, M. A., & Ahmad, S. (2021). Pemikiran dakwah Muhammad Uthman El-Muhammady dan kesannya terhadap Islam di Malaysia. *Selangor Humaniora Review*, 5(1), 170–187. <https://share.journals.unisel.edu.my/ojs/index.php/share/article/view/114>
- Astro Awani. (2013, April 6). *Ilmuan Islam, Uthman El-Muhammady meninggal dunia*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ilmuan-islam-uthman-el-muhammady-meninggal-dunia-10739>
- Astro Awani. (2024, Julai 31). *Media sosial cabaran terbesar perangi hadis daif, palsu*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/media-sosial-cabaran-terbesar-perangi-hadis-daif-palsu-481347>
- AstroAwani. (2024, September 25). *Ajaran ekstrem perangkap individu dengan manipulasi psikologi*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ajaran-ekstrem-perangkap-individu-dengan-manipulasi-psikologi-489194>
- Azungah, T. (2018). Qualitative research: Deductive and inductive approaches to data analysis. *Qualitative Research Journal*, 18(4), 383–400. <https://doi.org/10.1108/QRJ-D-18-00035>
- BenarNews. (2024, September 20). *Perlis negeri pertama keluar fatwa Global Ikhwan kumpulan ajaran sesat*. <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-perlis-sesat-09202024141201.html>
- Dakwah Maya Official. (2014, May 2). *Pemergian Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady*. <https://dakwahmayaoofficial.blogspot.com/2014/05/pemergian-dr-muhammad-uthman-el.html?m=1>
- Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abdul Rahman. (2020). *Penulisan Muhammad Uthman El-Muhammady Dalam Majalah Pengasuh (1961-2013)*. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/2630/1873>
- Harian Metro. (2025, Februari 7). *Tanggungjawab, cabaran umat Islam makin hebat*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2025/02/1184772/tanggungjawab-cabaran-umat-islam-makin-hebat>
- Isma'il Mina Ahmad. (2014). *Muhammad Uthman El-Muhammady Intelegensia Muslim Kontemporari*.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (1996). *Syiah Di Malaysia*. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10011>
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2024). *Fatwa berkaitan GISB Holdings Sdn. Bhd*. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/966-fatwa-berkaitan-gisb-holdings-sdn-bhd>
- Kalbin Salim. (2018). *Pengantar Kajian Kualitatif*. [https://www.researchgate.net/publication/328736941\\_Pengantar\\_Kajian\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/328736941_Pengantar_Kajian_Kualitatif)
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (n, d) *Waspada Ancaman Media Sosial*. <https://mais.gov.my/artikel-dakwah/waspada-ancaman-media-sosial/>
- MediaCorp. (2024, September 14). *Sejarah GISBH & Mengapa Ia Sering dikaitkan dengan Al-Arqam*. <https://berita.mediacorp.sg/dunia/jelasberita-sejarah-gisbh-mengapa-ia-sering-dikaitkan-dengan-al-arqam-877261>
- Mohd Ammyrul Ashraf Sairan, & Shukri Ahmad. (2015). *Jejak Intelektual dan Pemikiran Akidah Muhammad Uthman El-Muhammady*. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30685/>
- Mohd Ammyrul Ashraf Sairan, & Shukri Ahmad. (2019). *Pendakwah Kampung Muhammad Uthman El-Muhammady dalam Pemikiran Politik*. <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/198>
- Mohd Ammyrul Ashraf Sairan, & Shukri Ahmad. (2021). *Pemikiran Dakwah Muhammad Uthman El-Muhammady dan Kesannya terhadap Islam di Malaysia*. <https://share.journals.unisel.edu.my/ojs/index.php/share/article/view/114>
- Mohd Ammyrul Ashraf Sairan, & Shukri Ahmad. (2022). *Perspektif Pemikiran tokoh Islam Muhammad Uthman El-Muhammady terhadap teori sosial, masyarakat Asabiyyah dan kebudayaan*. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25. 121-139. <https://doi.org/10.32890/jps2022.25.6>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (n.d). *Ilmu, Pendidikan dan Gerakan Islam*. <https://online.anyflip.com/livf/geeb/mobile/>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1996). *Sejarah dan Konsep Ahli's-Sunnah Wa'l-Jama'ah*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2006). *Ketokohan Ulama Melayu dalam Prosiding Seminar Nadwah Ulama Nusantara III Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2009). *Gerakan Aliran Pemikiran Baru dan Cabarannya Kepada Umat Islam*. <https://blogtraditionalislam.wordpress.com/2009/02/08/gerakan-aliran-pemikiran-baru-dan-cabarannya-kepada-umat-islam/>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2009). *Ajaran Dan Pemikiran Sesat Dalam Konteks Islam*. <https://blogtraditionalislam.wordpress.com/>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2018). *Akhlak Dalam Islam*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ajaran-ekstrem-perangkap-individu-dengan-manipulasi-psikologi-489194>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2020). *Masjid Dalam Islam: Sejarah, Peranan dan Kedudukan*. [https://fliphtml5.com/xxehz/hmef/ Masjid\\_dalam\\_Islam\\_Sejjarah%2C\\_Peran\\_dan\\_Kedudukan\\_by\\_Muhammad\\_Uthman\\_El-Muhammady\\_%28z-lib.org%29/](https://fliphtml5.com/xxehz/hmef/Masjid_dalam_Islam_Sejjarah%2C_Peran_dan_Kedudukan_by_Muhammad_Uthman_El-Muhammady_%28z-lib.org%29/)
- Ummi Zainab Mohd Ghazali, & Muhammad Azizan Sabjan. (2013). *Sumbangan Pemikiran dan Perjuangan Dakwah Muhammad 'Uthman El-Muhammady di Malaysia (1943–2013)*. <https://journalarticle.ukm.my/11951/>
- Ummi Zainab Mohd Ghazali (2020). *Kajian Pemikiran dan Perjuangan Dakwah Muhammad 'Uthman El-Muhammady*. [https://eprints.usm.my/52033/1/Pages%](https://eprints.usm.my/52033/1/Pages%20)

20from%20Kajian%20 Pemikiran%20Dan%20 Perjuangan%20Dakwah%20  
Muhammad%20%E2%80%98Uthman%20El-Muhammady.pdf

Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid. (2005). Pemikiran Islam: Suatu Analisis  
Konseptual Kontemporari. *Jurnal Usuluddin*, 22, 1–26.  
<https://sare.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4230>

YADIM. (2015, Oktober 27). *Ustaz Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady: Pejuang Tegar  
Ahli Sunnah Wal Jamaah*. <https://www.yadim.com.my/v2/ustaz-dr-muhammad-uthman-el-muhammady-pejuang-tegar-ahli-sunnah-wal-jamaah/>